

05 FEB 1999

MT-Timbalan

ABDULLAH BADAWI DIARAH JALANKAN TUGAS SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN UMNO

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Majlis Tertinggi UMNO yang bermesyuarat di sini hari ini mengarahkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjalankan tugas-tugas timbalan presiden parti yang kosong sejak September tahun lepas.

"Majlis Tertinggi menerima cadangan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merasakan mesti ada seseorang menjalankan tugas timbalan presiden," kata Abdullah pada persidangan berita selepas mesyuarat itu.

"Cadangan itu daripada presiden dan mendapat sokongan anggota MT. Saya bukan dilantik atau memangku jawatan timbalan presiden tetapi saya diarah menjalankan tugas dan kerja seorang timbalan presiden," katanya.

Abdullah, salah seorang Naib Presiden parti, telah mempengerusikan sebahagian daripada mesyuarat MT selepas Dr Mahathir terpaksa meninggalkan mesyuarat untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Kemboja Hun Sen yang akan mengakhiri lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia esok.

Dr Mahathir mengucapkan selamat jalan lebih awal kerana beliau akan berlepas ke London malam ini dalam perjalanan ke Jamaica untuk menghadiri persidangan G-15.

Jawatan timbalan presiden parti kosong berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti pada 3 Sept, sehari selepas dia dipecat sebagai timbalan perdana menteri dan menteri kewangan.

Abdullah dilantik sebagai timbalan perdana menteri pada 8 Jan berkuatkuasa pada 11 Jan.

Abdullah apabila ditanya pemberita apakah dengan arahan itu bermakna beliau akan bertanding jawatan timbalan presiden, berkata: "Saya ingat tidak perlulah ditanyakan soalan itu dan saya tidak perlu jawab."

Beliau berkata apa yang penting sekarang ialah ada orang yang ditugaskan menjalankan kerja yang berkaitan dengan jawatan timbalan presiden dan tugas berkenaan mesti dilaksanakan.

Ditanya mengenai perasaannya terhadap tanggungjawab baru itu, beliau berkata: "Beratlah...banyak kerja lagilah tambah tapi Inshaallah saya akan melaksanakan apa juga tugas yang diamanahkan kepada saya untuk menjalankannya."

Abdullah, yang turut ditanya apakah arahan menjalankan tugas timbalan presiden itu menyebabkan beliau diarahkan memberikan persidangan berita hari ini, berkata bahawa beliau tidak tahu apa sebabnya.

"Tidak tahulah apa sebabnya tetapi apa yang saya tahu Perdana Menteri terpaksa meninggalkan mesyuarat kerana ada pertemuan dengan Hun Sen, Perdana Menteri Kemboja.

"Masih ada beberapa perkara yang perlu diselesaikan Majlis Tertinggi dan saya diarahkan untuk mempengerusikan mesyuarat dan selepas itu bertemu dengan pihak akhbar untuk memaklumkan keputusan-keputusan yang telah dibuat," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Datuk Seri Najib Tun Razak berkata adalah wajar seseorang diarahkan menjalankan tugas timbalan presiden dan ia bukanlah memangku jawatan berkenaan.

Katanya hakikat sekarang ialah UMNO perlu bersatu dan menumpukan perhatian kepada tugas-tugas parti.

Beliau yakin keputusan untuk mengarahkan Abdullah menjalankan tugas timbalan presiden akan diterima oleh semua anggota parti.

Najib turut ditanya bagaimana perasaannya terhadap keputusan itu

memandangkan beliau merupakan Naib Presiden yang menerima jumlah undi terbanyak dan adakah keputusan itu ganjil, berkata: "Bagi saya tiada masalah. Tidak ganjil. Ia pernah berlaku dalam sejarah (UMNO) dahulu."

Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata pelantikan timbalan perdana menteri juga telah dibuat dan adalah wajar baginya (timbalan perdana menteri) menjalankan tugas selanjutnya sebagai timbalan presiden parti.

"Dengan ini jawatan kerajaan dan parti ada persamaan sedikit sebanyak," katanya.

Ditanya apakah dengan arahan bahawa Abdullah menjalankan tugas timbalan presiden, beliau tidak akan bertanding jawatan timbalan presiden pada pemilihan parti akan datang, Najib berkata UMNO sekarang tidak bercakap mengenai pemilihan.

Mengenai kemungkinan pelbagai spekulasi akan timbul dengan keputusan MT hari ini, beliau berkata: "Spekulasi ada sepanjang masa tetapi sekarang ini tugas kita ialah untuk bersatu dan memberi tumpuan kepada tugas-tugas parti dan menentukan kejayaan pada pilihan raya akan datang."

-- BERNAMA

HS AHH AKD